



TERBITAN
96

2024
15 MEI

SIDANG REDAKSI

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Fazil Irwan Som

Penolong Penyunting:
Rahida Aini

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Halal— Industri yang menjanjikan untuk Pulau Pinang yang memerlukan dorongan strategik

Dr Rahida Aini Mohd Ismail

HALAL, istilah arab yang bermaksud "dibolehkan" atau "halal", merangkumi pelbagai aspek kehidupan seorang Muslim, termasuk makanan, keselamatan, kebajikan haiwan, keadilan sosial dan alam sekitar. Di negara yang mempunyai populasi Muslim yang ramai, seperti Malaysia, status makanan halal dan produk kegunaan harian lain adalah amat penting. Umat Islam mengutamakan produk yang selaras dengan amalan agama mereka, menekankan kebersihan, kesucian dan kualiti. Mereka juga bergantung kepada pensijilan sah daripada pihak berkuasa yang diiktiraf untuk memastikan produk yang mereka beli dan gunakan memenuhi piawaian halal.

Malaysia telah giat membangunkan ekosistem halal yang komprehensif sejak tahun 1974. Ekosistem ini, yang diperjuangkan oleh kerajaan, terdiri daripada komponen penting yang menyokong keseluruhan industri halal, seperti memacu pembangunan dasar halal, pensijilan, kemajuan, pengembangan dan akreditasi Halal.

Dengan pertambahan penduduk Islam di dunia, terdapat keperluan yang semakin besar untuk produk dan perkhidmatan halal yang mana kerajaan dan perniagaan di seluruh dunia mengiktiraf potensi ekonominya telah membawa kepada peningkatan pelaburan, mempercepatkan industri halal sebagai salah satu sektor ekonomi yang paling pesat berkembang¹. Kemajuan dalam teknologi dan logistik juga telah menjadikan lebih mudah hasil produk-produk halal diedar dan dipasarkan yang secara langsung memacu pertumbuhan pesatnya di peringkat global.

Menurut Kerry Group, pembekal penyelesaian fungsian dan pemakanan untuk industri makanan, minuman dan farmaseutikal yang terkenal, pasaran makanan halal di seluruh dunia telah berkembang dengan ketara, malahan daya tarikannya melangkaui pengguna Islam. Produk makanan halal yang dikaitkan dengan keselamatan, kebersihan dan kesihatan makanan telah secara tidak langsung menarik minat orang dari pelbagai latar belakang dan kepercayaan untuk

¹ Sirajuddin, S., Mohd Asri, A., Suraiti, A. (2019) Malaysia model: challenges in halal certification. Halal Journal, No.3, 79-96.

berkongsi pengalaman yang sama. Kerry Group juga meramalkan bahawa pasaran makanan halal global, bernilai USD2.22tril pada 2022, akan terus berkembang pada 11.1% setiap tahun, untuk mencapai USD4.1tril menjelang 2028.²

Industri Halal Pulau Pinang

Semasa Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang bertajuk “Memangkin Pertumbuhan Halal dalam Dunia Berpecah-belah” yang diadakan pada 23 Jun 2023 di Spice Arena Pulau Pinang, Dato’ Haji Abdul Halim bin Hussain yang ketika itu merupakan Exco Perdagangan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan menyatakan bahawa Pulau Pinang adalah hab yang ideal untuk pengedaran produk halal. Negeri ini boleh memacu pembangunan halal yang mampan dan inklusif dengan memupuk kerjasama pihak berkepentingan, menggalakkan inovasi, kemakmuran dan kepercayaan, mengamalkan amalan halal dan memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) untuk mengembangkan pasarannya.

Untuk mempromosikan ekosistem perniagaan halal, Penang Halal International (PHI) telah menarik pemain dari sektor F&B dari seluruh rantau dan dunia. Wilayah ini mempunyai warisan yang kaya dengan produk yang diperakui halal, termasuk hidangan tradisional, makanan ringan dan minuman.

Disokong oleh piawaian pensijilan halal yang ketat dan komitmen terhadap kualiti, industri halal Pulau Pinang juga telah menarik pelancong Muslim dari negara lain melalui panduan pelancongan khusus, penerbangan antarabangsa dan laluan penerbangan baharu dari Timur Tengah. Mengikuti trend pasaran semasa, Syarikat Ghee Hiang, pengeluar biskut terkemuka dan tertua di Pulau Pinang turut tidak mahu ketinggalan yang mana telah menghasilkan ciptaannya iaitu Flaky Mung Bean Pastry dengan Kurma (Tau Sar Pneath Kurma) yang mana telah disahkan halal bertujuan memenuhi selera untuk semua – orang Islam dan juga bukan Islam.

Menghadapi Peningkatan Jumlah Perdagangan

Logistik halal juga mempunyai kaitan dengan pengekalan integriti rantaian bekalan halal yang mana boleh menjejaskan keyakinan pengguna dan menghalang pertumbuhan industri halal seperti pencemaran produk, salahguna pelabelan halal dan penggantian produk.

Maka penambahbaikan struktur amat penting untuk memberi perkhidmatan kepada sektor halal yang melonjak dan menghadapi peningkatan jumlah perdagangan, seperti membangunkan infrastruktur dan kemudahan khusus untuk logistik halal, melaksanakan proses pensijilan piawai untuk produk halal, mewujudkan rangkaian rantaian bekalan yang cekap, melabur dalam penyelesaian yang dipacu teknologi seperti landasan dan sistem jejak, dan memupuk kerjasama antara pihak berkepentingan industri untuk menyelaraskan operasi dan memastikan pematuhan terhadap keperluan halal.

Misalnya, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang terkenal seperti Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perkongsian Trans-Pasifik Komprehensif dan Progresif (CPTPP) menjanjikan kelebihan yang ketara kepada negara anggota, dan mewujudkan prospek baharu untuk perniagaan halal di rantau ini.

Ramlan Osman, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Vietnam Halal, menekankan ketiadaan logistik halal sebagai isu dan cabaran yang sentiasa berlaku dari masa ke masa dan perlu jalan penyelesaian melalui sistem pemantauan bersepadu. Beliau menyifatkan bahawa pasaran harus "memanfaatkan keuntungan yang dijana daripada perniagaan halal, subsidi dan insentif untuk menggalakkan pembangunan infrastruktur logistik halal di negara ini".

Sementara itu, MAB Kargo, di bawah pimpinan Ketua Pegawai Eksekutif Mark Jason Thomas, berbangga menjadi pengendali gudang halal pertama di Malaysia. “Sebagai bukti komitmen kami terhadap logistik halal,

² 4 reasons the halal food industry is booming. <https://www.kerry.com/insights/kerrydigest/2021/halal-foodindustry.html>

kami teruja untuk mengumumkan bahawa Korea Selatan, setelah menubuhkan pusat penyembelihan yang diperakui halalhnya yang pertama pada Mac 2023, mengeksport daging lembu Korea yang diperakui halal pertamanya, yang dikenali sebagai “hanwoo”, ke Malaysia. Kemudahan pengangkutan halal itu diperakui oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Untuk memastikan kesinambungan perniagaan, kami sedang membangunkan pelan strategik untuk pergudangan Lapangan Terbang Pulau Pinang, menekankan keperluan untuk model logistik halal yang berdaya tahan dan cekap. Melalui pendigitalan dan usaha berterusan, kami yakin MAB Kargo dapat menyediakan perkhidmatan pergudangan industri halal di samping memenuhi pelbagai keperluan lain yang dituntut oleh pelanggan kami,” tambah Thomas.

Masa Depan Industri Halal

Industri halal dijangka meneroka jalan untuk pertumbuhan dan pakatan global. Tumpuan pada sektor baru muncul seperti pelancongan halal, kosmetik, farmaseutikal dan e-dagang adalah disyorkan.

Perkongsian ekonomi serantau dan perjanjian perdagangan menawarkan peluang untuk pengembangan pasaran halal, terutamanya dalam barangan pengguna yang mampan dan beretika. RCEP merangkumi ekonomi utama Asia dan menyasarkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota ASEAN dan rakan kongsi seperti Australia, Jepun, China, Korea Selatan dan New Zealand, dan perjanjian CPTPP antara 12 negara Lingkaran Pasifik memberikan peluang besar kepada industri halal untuk

menerokai pasaran baharu. Dalam konteks ini, sektor halal boleh mendapat manfaat dengan berkembang menjadi barangan pengguna halal yang mampan dan beretika, memanfaatkan potensi pelancongan halal, meneroka kemajuan dalam farmaseutikal halal, dan menerima inovasi teknologi halal.

Walaupun Malaysia, termasuk Pulau Pinang, telah mendapat pengiktirafan antarabangsa untuk makanan halal dan pensijilan halalhnya, masih terdapat cabaran besar yang perlu diatasi. Ini termasuk isu sekuriti makanan dan tahap sara diri yang rendah dalam industri berasaskan daging dan pertanian halal. Isu sekuriti makanan amat merisaukan kerana negara amat bergantung kepada bahan makanan import untuk memenuhi keperluan makanan domestik, yang mana memberi kesan kepada industri bekalan makanan.

Kesimpulannya, Malaysia perlu terus proaktif untuk mengekalkan daya saing dalam mendapatkan bahan mentah daripada pembekal asing yang berdaya saing tinggi dan dalam mewujudkan kerjasama perdagangan dua hala dengan negara lain. Langkah sedemikian akan meningkatkan reputasi negara sebagai pemain industri halal yang berwibawa, yang seterusnya akan memberi pelbagai manfaat kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat.

Terjemahan daripada artikel yang ditulis oleh Rahida Aini Mohd Ismail (2024). A promising industry for Penang that needs some strategic pushing. Penang Monthly, January Issue, 20-21.



Dr Rahida Aini merupakan lulusan Ph.D dalam bidang Pengurusan Awam dari Universiti Utara Malaysia. Kini, beliau bertugas sebagai Pegawai Penerbitan di Penang Institute.